

# Sistem jadual kerja harian PM patut dicontohi

## — Mohamed Rahmat

JOHOR BAHRU 1 Julai — Sistem jadual kerja harian Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, patut dicontohi, jika rakyat dan negara mahu lebih maju, kata Menteri Penerangan Dato' Mohamed Rahmat.

Menurutnya, Dato' Sri Dr. Mahathir adalah seorang tokoh pemimpin yang benar-benar berjiwa pekerja dan mengamalkan sikap 'kepimpinan melalui teladan'.

Contohnya, kata beliau, dalam jadual harian kerjanya, Dr. Mahathir akan sampai di pejabat jam 7.30 pagi, sedangkan orang lain tiba jam 8.00 pagi.

Perdana Menteri akan keluar makan tengah hari, jam 1.00 tengah hari dan berada semula di pejabat jam 2.30 petang.

Katanya, Dr. Mahathir akan hanya pulang ke rumah jam 7.00 petang, sedangkan orang lain sudah berehat di rumah bersama anak isteri masing-masing.

Di sebelah malam pula, sebagai seorang pemimpin, Dato' Sri

Dr. Mahathir, katanya, akan turut memenuhi undangan ramai di majlis tertentu hingga larut tengah malam.

Tetapi, beliau masih mampu datang ke pejabat esoknya pada jam 7.30 pagi.

Paling menakjubkan, kata Dato' Mohamed Rahmat, apa yang jelas, Dato' Sri Dr. Mahathir masih kuat dan sihat, serta

mampu menghadapi tugas dan setiap cabaran yang datang.

Bercakap di majlis perasmian Mesyuarat Agung Persatuan Pemandu Teksi kawasan Johor Tengah, di sini hari ini, Dato' Mohamed Rahmat berkata, jika semua orang mampu mengikut cara kerja seperti Perdana Menteri, sudah pasti rakyat di negara ini bertambah maju.